

perempuan mereka hidup-hidup supaya tidak menanggung beban malu.

Sebelum kedatangan Islam, Arab Selatan lebih bertamaddun. Mereka berjaya mendirikan beberapa kerajaan besar seperti Sabak dan Himyar. Mereka juga membina empangan terbesar iaitu Empangan Maarib. Namun, ekonominya menjadi lemah apabila empangan itu pecah dan sekali gus memusnahkan bandar tersebut.

Mereka terkenal dengan sifat berani, terus terang dan sangat menghormati tetamu. Ramai antara mereka muncul sebagai ulama, ahli falsafah, pakar matematik dan ahli falaq.

ARAB AL-ARIBAH

Mereka ini dikenali juga dengan nama Arab Uraba yang bererti padang pasir jati atau asli (bumiputera). Bangsa mereka terkenal dengan nama Bani Qahtan yang bertempat di Yaman. Terdapat dua puak Bani Qahtan yang masyhur iaitu Jurhum dan Ya'rub. Puak Ya'rub pula terbahagi kepada dua golongan besar iaitu Kahlan dan Himyar.

Daripada kedua-dua golongan ini lahirlah beberapa suku kaum yang kecil-kecil. Antara yang masyhur ialah dari puak Qudaah ialah Bila, Juhaimah, Kalb, Bahrah, Banu Nadh dan Jurm.

Sementara suku yang masyhur dari puak Kahlan ialah al-Azd. Dari sini lahirlah suku Auz dan khazraj dan keturunan Jafnah yang berbangsa Ghassasinah yang menguasai Syam. Golongan Auz dan Khazraj inilah yang terkenal di Yathrib (Madinah).

Sebelum kedatangan Islam di bumi Madinah, kedua-dua kaum ini sentiasa bermusuhan. Akhirnya kehadiran Rasulullah saw dapat menyatukan mereka semula dan

berjuang sebagai satu umat yang teguh.

ARAB AL-MUSTAKRIBAH

Mereka mempunyai darah campuran daripada keturunan Nabi Ismail bin Ibrahim as dengan suku Jurhum. Mereka digelar al-Mustakribah (yang menjadi Arab) kerana pada asalnya Nabi Ismail as menggunakan bahasa Ibrani atau Suryani iaitu bahasa Hebrew.

Kemudian suku Jurhum yang berasal dari keturunan Qahtan berhijrah ke Mekah dan tinggal bersama Nabi Ismail as dan ibunya, Siti Hajar. Nabi Ismail pula mengahwini anak perempuan suku Jurhum. Dengan ini Nabi Ismail mula mempelajari bahasa dan budaya kaum Jurhum iaitu bahasa Arab. Keturunan campuran ini merupakan penduduk yang paling ramai mendiami bahagian tengah Semenanjung Tanah Arab, Hijaz, hingga ke kawasan Syam (Syria). Percampuran mereka bertambah luas dengan hijrahnya kaum penduduk Yaman secara beramai-ramai selepas kejatuhan kerajaan Sabak.

Kitab Al Quran dan Injil ada menerangkan bahawa pada tahun 1800 sebelum Masehi, Nabi Ibrahim as melahirkan dua orang anak iaitu Nabi Ismail as dan Nabi Ishak as. Dari Ishak lahirlah kebanyakan para nabi sehinggalah pada zaman nabi Musa as dan Isa as. Sementara dari Nabi Ismail as lahirlah keturunan Adnan yang serumpun dengan keturunan Quraisy iaitu gelaran kepada Fihri bin Malik Quraisy. Fihri adalah datuk kepada Nabi Muhammad saw.

Pada tahun 440 masehi kabilah Quraisy di bawah pemimpin Qusai bin Qilab bin Murras telah berjaya mengalahkan kabilah Khuzaah. Kejayaan ini membolehkan kabilah Quraisy menguasai kota Mekah dan kawasan-

human virtue, and his living precepts have restrained the gratitude of his disciples within the bounds of reason and religion.

– Edward Gibbon and Simon Oakley
History of the Saracen Empire,' London, 1870